



KOMPLIKASI SERANGAN JANTUNG

1 Gangguan ritma jantung

Akibatnya

- Kadar denyutan jantung yang lebih perlahan atau lebih pantas daripada biasa.
- Denyutan jantung yang luar biasa.

Gangguan aliran darah ke otak dan arteri koronari menyebabkan pening - pening, pengsan, angina atau strok.

2 Kegagalan jantung kongestif

Akibatnya

- Otot jantung menjadi lemah dan fungsi mengepam jantung terjejas.

Tidak berupaya melakukan aktiviti harian dengan sempurna serta mudah sesak nafas dan letih.

3 Kejutan jantung (*Cardiogenic Shock*)

Akibatnya

- Pengaliran darah dalam badan tiba-tiba berkurangan kerana bekalan darah yang dipam oleh jantung tidak mencukupi.

Kelihatan pucat, tangan sejuk dan berpeluh, denyutan nadi yang cepat dan lemah, tekanan darah mungkin terlalu rendah, mengantuk/terkeliru atau pengsan. Jika lambat dirawat boleh membawa maut.